

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 22.10.2015

SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah bangunan sekolah yang sudah uzur di kawasan Parlimen Lawas yang akan dibangun semula di bawah RMKe-11.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembangunan dan naik taraf institusi pendidikan yang daif dan disahkan tidak selamat untuk digunakan di semua negeri merupakan salah satu keutamaan dalam perancangan pembangunan pendidikan.

Dalam permohonan pembangunan pendidikan RMKe-11 bagi Daerah Lawas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mempertimbangkan beberapa projek gantian penuh bangunan sekolah dengan kemudahan lain termasuk rumah guru, serta kerja-kerja pembaikan dan naik taraf sekolah yang uzur. Walau bagaimanapun, jumlah projek masih belum dimuktamadkan kerana pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.